

## Peristiwa-peristiwa dan Kisah Dalam Sejarah

Pada suatu musim haji, di malam hari apabila Rasulullah berada di Mina, di Bukit ‘Aqabah beliau berjumpa dengan serombongan dari Yathrib (Madinah) seramai enam orang. Orang-orang Madinah itu keturunan dari kaum Khazraj. Rasulullah bertanya kepada mereka dengan suatu pertanyaan dan mereka menjawab dengan baik. Rasulullah lalu bertanya keadaan mengenalkan diri dan mereka pun lalu mengenalkan diri masing-masing dan Rasulullah lalu bertanya keadaan bangsa mereka di kota Yathrib dan mereka pun menerangkan hal-hal mereka sendiri. Sesudah itu Rasulullah mengajak mereka duduk bersama-sama dan bercakap-cakap.

Ajakan Rasulullah diterima mereka dengan baik dan sesudah tanya bertanya di antara kedua pihak maka Rasulullah pun mengajak mereka duduk di tempat yang jauh dari pengelihatan orang – ke tempat yang lebih sunyi. Tiba di tempat itu maka Rasulullah mengadakan seruan kepada mereka dan Rasulullah membacakan ayat-ayat al-Qur’ān kepada mereka yang berenam ini. Orang-orang Yathrib yang enam orang ini tertarik dan mengerti kepada apa yang diserukan oleh beliau dan lalu mereka beriman kepada apa yang dibacakan oleh Rasulullah itu.

Setelah enam orang itu mengikut seruan Nabi maka Nabi mengajak supaya mereka ke tempat yang lebih sunyi lagi dan tidak nampak oleh orang ramai dan dengan itu pergilah mereka di atas

Bukit ‘Aqabah dan kemudian pergilah mereka ke lembahnya sedikit dan di sinilah mereka berjanji setia dengan Nabi dan mereka mengaku taat kepada janji mereka.

\* \* \*

Setahun kemudian pada musim haji lima daripada enam orang yang mengaku berjanji setia itu disertai oleh tujuh orang lagi datang mengerjakan haji. Pada suatu malam yang sunyi yang ditentukan maka kedua belas orang ini pergilah menjumpai Nabi (S.A.W) di tempat yang tersebut (di ‘Aqabah) untuk berjumpa Nabi. Setelah dibacakan oleh Nabi ayat-ayat al-Qur’ān kepada mereka semuanya maka Nabi pun meminta kepada mereka supaya membuat perjanjian kepada Nabi di dalam sepuluh perkara yang tersebut di bawah ini:

1. Hendaklah mereka sekalian menyembah kepada Allah Yang Maha Esa dan janganlah mengadakan sekutu dengan-Nya dengan sesuatu apa jua pun.
2. Janganlah mengambil hak orang lain dengan tidak ada izin (mencuri);
3. Jangan mengerjakan zina;
4. Jangan membunuh anak-anak;
5. Jangan berdusta dan berbuat kedustaan;
6. Jangan menolak perkara yang baik;

7. Hendaklah menurut (mengikut) Pesuruh Allah, baik pada masa susah mahu pun pada masa senang;
8. Hendaklah mengikut Pesuruh Allah baik dengan paksa mahu pun tidak;
9. Janganlah merebut sesuatu perkara daripada ahlinya (yang mengerjakannya); kecuali jika dilihat dengan nyata-nyata akan kekafiran orang yang mengerjakan perkara itu dengan tanda bukti (keterangan) dari Allah yang menunjukkan kekafirannya; dan
10. Hendaklah mengatakan yang benar (haq) di mana sahaja berada dan janganlah takut atau khuatir dalam mengerjakan agama Allah (*Al-Islām*) terhadap celaan orang yang mencela. Apabila mereka hendak melakukan sumpah bersetia itu (*bay’ah*) maka Al-‘Abbās ibn ‘Ubadah ibn Faḍilah salah seorang daripada yang dua belas orang itu bertanya kepada kaumnya:  
“Wahai saudara-saudaraku kaum Khazraj fahamkah saudara-saudara tujuan apakah kamu mengangkat sumpah setia kepada Muhammad? Saudara-saudara hendaklah mengerti bahawa saudara-saudara bersumpah akan memerangi bangsa berkulit merah dan berkulit hitam. Kalau saudara-saudara berfikir harta saudara-saudara akan